

Sorok enjin

sangkut curi,

lelaki didenda

RM4,000

KUCHING: Seorang lelaki berusia 43 tahun didenda RM4,000 atau penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana menyembunyikan enjin sangkut curi.

Mohamad Zakaria Hairani mengaku bersalah di hadapan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan selepas didakwa mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Dia melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Kampung Sri Kandong, Jaya Bakti di Matang di sini pada jam 4 pagi, 25 Januari 2025.

Berdasarkan fakta kes, pemilik enjin sangkut iaitu seorang lelaki berusia 64 tahun membuat laporan polis selepas mendapati ia hilang disyaki dicuri.

Susulan laporan itu, polis menahan Mohamad Zakaria pada 13 Februari 2025.

Semasa tangkapan dibuat, didapati Mohamad Zakaria menyembunyikan enjin sangkut tersebut.

Mohamad Zakaria tidak diwakili peguam bela.